# Manual Pengguna

PANDUAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE SEKOLAH MENENGAH AGAMA NEGERI JOHOR SESI 2023/2024

Sila layari ***https://daftar-smanj.net/t4/2023/application***

*Sila Gunakan Pelayar Google Chrome atau Mozilla Firefox untuk paparan dan fungsi terbaik*

1. **Pendaftaran dan log masuk.**
   a. Bagi pemohon yang ingin memohon, sila klik pada pautan (*link*) yang disediakan di atas. **Rajah 1.1** di bawah menunjukkan paparan halaman utama.
   b. Pemohon perlu masukkan nombor kad pengenalan yang betul.
   c. Klik pada '**Log Masuk**' untuk meneruskan permohonan.




Rajah 1.1: Paparan Halaman Utama

d. **Rajah 1.2** menunjukkan halaman setelah pengguna berjaya melakukan log masuk ke dalam sistem pendaftaran eSMANJ.
e. Klik pada menu '**Permohonan**' untuk meneruskan pendaftaran.




Rajah 1.2: Papan Pemuka Sistem Pendaftaran

f. **Rajah 1.3** di bawah merujuk kepada **Borang Permohonan Kemasukan Tingkatan 1 SMANJ Tahun 2023**.

g. Permohonan dimulakan dengan bahagian '**Maklumat Peribadi**'. Pemohon dikehendaki untuk melengkapkan maklumat dengan betul.

h. Setelah selesai melengkapkan butiran, sila tekan pada butang '**Simpan**' dan kemudian tekan pada butang '**Seterusnya**'.




Rajah 1.3: Maklumat Peribadi

i. Paparan pada **Rajah 1.4** di bawah menunjukkan halaman mengenai maklumat '**PBD**' iaitu Pentaksiran Bilik Darjah.

j. Pemohon dikehendaki untuk melengkapkan butiran seperti '**Nama Sekolah**' dan '**Tahap Penguasaan**' yang telah diperoleh bagi setiap mata pelajaran seperti yang ditunjukkan.

k. Klik pada butang '**Simpan**' untuk simpan maklumat dan klik pada butang '**Seterusnya**' setelah selesai melengkapkan butiran.




Rajah 1.4: Maklumat Pentaksiran Bilik Darjah

l. Berikut merupakan halaman tentang maklumat '**PAJSK**' seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 1.5** di bawah.

m. Pemohon dikehendaki untuk masukkan nilai skor yang diperolehi dengan betul bagi '**Pengelibatan**', '**Penyertaan**', dan '**Prestasi**'.

n. Klik pada butang '**Simpan**' untuk simpan maklumat dan klik pada butang '**Seterusnya**' setelah selesai melengkapkan butiran skor yang diperolehi.



**Borang Permohonan Kemasukan Tingkatan 4 SMANJ Tahun 2023**

Maklumat Peribadi | PBD | PAJSK | Pilihan Sekolah | Pengakuan Pemohon

* Jika Tiada Sijil PAJSK, Sila Klik Butang Simpan kemudian Klik Butang Seterusnya

| Pengelibatan (50 markah) | | | | Penyertaan (40 markah) | Prestasi (20 markah) |
|---|---|---|---|---|---|
| Elemen | | | | Elemen | Elemen |
| Jawatan (10/10) | Peringkat (20/20) | Komitmen (10/10) | Sumbangan (10/10) | Kehadiran (40/40) | Pencapaian (20/20) |
| Nilai Skor | | | | Nilai Skor | Nilai Skor |
| 5 /10 | 5 /20 | 5 /10 | 5 /10 | 5 /40 | 5 /20 |

Kembali | Kemaskini | Seterusnya



Rajah 1.5: Maklumat nilai skor PAJSK

o. Merujuk kepada **Rajah 1.6** di bawah. Pemohon dikehendaki untuk memasukkan maklumat seperti '**Pilihan Sekolah**', '**Permohonan Asrama**' dan '**Jarak dari rumah ke sekolah**'.

p. Pemohon membuat pilihan sekolah yang dikehendaki. Pengguna boleh memilih permohonan asrama sama ada '**YA**' atau '**TIDAK**' dan pengguna perlu memasukkan jarak dari rumah ke sekolah berdasarkan sekolah yang dipilih.

q. Klik pada butang butang '**Simpan**' untuk simpan maklumat dan butang '**Seterusnya**' setelah selesai melengkapkan butiran.




Rajah 1.6: Pilihan Sekolah

r. Pemohon hendaklah memastikan bahawa setiap butiran maklumat yang telah dimasukkan dalam sistem adalah betul dan benar. Pihak BPIJAINJ berhak membatalkan permohonan atau tawaran sekiranya maklumat yang telah dinyatakan adalah palsu dan tidak benar.

s. Klik pada butang '**Kembali**' untuk mengubah maklumat yang telah dimasukkan.

t. Klik pada butang '**Hantar Permohonan**' untuk melengkapkan dan menghantar **Borang Permohonan Kemasukan Tingkatan 4 SMANJ Tahun 2023**.




Rajah 1.7: Pengakuan Pemohon